



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 2 MEI 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **116 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **4,326 kes** (70 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 2 Mei 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **105 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **6,176 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,747 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan bahawa daripada 105 kes baharu yang dilaporkan hari ini, **11 kes adalah kes import**. Ini bermakna, kes penularan tempatan adalah sebanyak 94 kes, di mana **60 kes telah dikesan dari lokaliti di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)**.

Sehingga kini, seramai **31 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, 12 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa tiada kes kematian berkaitan COVID-19 setakat ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **103** kes (1.67 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

ANALISA KEBERKESANAN PENDEKATAN TERTUMPU (TARGETED APPROACH)

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah membantu usaha Kerajaan dalam meratakan lengkung (*flattening of the curve*), di mana pencapaian ini adalah hasil kerjasama daripada pelbagai agensi dan orang ramai.

PKP telah membolehkan pelaksanaan aktiviti pendekatan tertumpu (*targeted approach*) untuk mengesan, menyaring, menguji, mengasingkan dan merawat kes-kes COVID-19 di kalangan masyarakat. Keberkesanan kaedah ini terbukti apabila kita lihat statistik daripada pelaksanaannya, iaitu seperti berikut:

1. Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di 11 lokaliti yang berisiko tinggi di mana 607 kes positif COVID-19 dikesan daripada 29,067 kes yang telah disaring (iaitu 2.1 peratus);
2. Pengesanan kluster perhimpunan di Seri Petaling di mana 2,220 kes positif COVID-19 dikesan daripada 34,503 kes yang telah disampel (iaitu 6.4 peratus);
3. Pengesanan pelajar dan kakitangan madrasah serta tahfiz yang berkaitan dengan perhimpunan di Seri Petaling di mana sebanyak 378 kes positif COVID-19 dikesan daripada 8,030 kes yang telah disampel (iaitu 4.7 peratus);
4. Penyaringan serta penempatan di pusat kuarantin bagi semua rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara sejak 3 April 2020, di mana 274 kes positif COVID-19 telah dikesan daripada 26,169 orang yang telah dikuarantin (iaitu 1.05 peratus).

Tren kes-kes positif COVID-19 harian sejak kebelakangan ini menunjukkan peningkatan kes-kes import dan kes-kes yang dikesan dari lokaliti PKPD. Namun, masyarakat tidak perlu khawatir mengenai

peningkatan kes di kalangan kes-kes import ataupun PKPD ini, kerana mereka telahpun awal-awal lagi diasingkan untuk disaring.

Aktiviti penularan COVID-19 di kalangan masyarakat setempat pula dapat dikenalpasti melalui aktiviti surveilan klinikal (*clinical surveillance*) jangkitan COVID-19 yang telah lama dijalankan. Ini dilaksanakan dengan persampelan pesakit *Influenza Like Illness (ILI)* dari lokasi sentinel seluruh negara dan pesakit *Severe Acute Respiratory Infection (SARI)* di semua hospital KKM.

Sehingga 1 Mei 2020, sebanyak 7,880 saringan COVID-19 dalam aktiviti surveilan klinikal telah dijalankan di mana hanya 12 kes dikesan daripada ILI (0.81 peratus) dan 54 kes dikesan daripada SARI (0.84 peratus).

Selain itu, saringan COVID-19 juga dilaksanakan ke atas semua pesakit sebelum pembedahan kecemasan dan separa kecemasan di hospital KKM sebagai langkah pencegahan penularan COVID-19 di kalangan petugas kesihatan. Sehingga 1 Mei 2020, terdapat hanya lima (5) kes yang dikesan positif COVID-19 daripada 5,435 jumlah pesakit yang disaring (iaitu hanya 0.09%).

Justeru, adalah terbukti aktiviti pendekatan tertumpu yang dijalankan setakat ini telah berkesan dalam mengesan dan membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini. Namun, ianya memerlukan tindakan selari rakyat untuk patuh kepada semua arahan dan nasihat kesihatan Kerajaan.

KAPASITI HOSPITAL COVID-19 HASIL LENGKUNG YANG TELAH DIRATAKAN

Susulan lengkung yang telah diratakan, hospital KKM kini mempunyai lebih banyak kapasiti dalam merawat lebih ramai pesakit COVID-19, sekiranya ianya diperlukan.

Misalnya, kadar keseluruhan bagi penggunaan katil di 40 buah hospital yang dikhususkan bagi perawatan COVID-19 dan 26 pusat rawatan COVID-19 berisiko rendah (*hospital extension centres*) adalah 17 peratus.

Selain itu, kadar penggunaan bagi katil Unit Rawatan Rapi (ICU) yang dikhususkan untuk pesakit disyaki dan disahkan positif COVID-19 adalah tujuh (7) peratus (iaitu 31 buah daripada jumlah 422 buah). Penggunaan alat bantuan pernafasan (*ventilator*) pula adalah hanya satu (1) peratus (iaitu 12 buah daripada jumlah 1,059 buah).

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Pihak KKM ingin mengingatkan rakyat Malaysia bahawa pandemik COVID-19 ini belum berakhir. Secara global, sebanyak 187 buah negara telah terkesan dengan jumlah kes positif COVID-19 yang kini mencecah 3,343,777 dengan 238,650 kematian. Risiko penularan secara mendadak di Negara kita masih wujud sekiranya kita lalai dan alpa dalam mengamalkan norma baharu kehidupan seharian seperti:

- Mengamalkan langkah-langkah kesihatan seperti amalan jarak sosial selamat (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain;
- Digalakkan penggunaan alat penutup hidung dan mulut (*face mask*), terutama di kawasan umum;
- Menggalakkan amalan kebersihan yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau penggunaan *hand sanitizer*;
- Mengamalkan amalan-amalan pencegahan jangkitan;
- Mengelakkan sebarang bentuk perhimpunan.

Justeru, kerjasama dan komitmen semua lapisan masyarakat dalam memainkan peranan masing-masing adalah sangat penting untuk memastikan kita berjaya menewaskan virus COVID-19.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

2 Mei 2020 @ 4.30 petang

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 2 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	95
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	253
SELANGOR	63 (2)	1,518
NEGERI SEMBILAN	8	521
MELAKA	2	201
JOHOR	1 (1)	667
PAHANG	8	305
TERENGGANU	0	110
KELANTAN	0	155
SABAH	0	315
SARAWAK	9	518
W.P. KUALA LUMPUR	14 (8)	1,278
W.P. PUTRAJAYA	0	85
W.P. LABUAN	0	16
JUMLAH KESELURUHAN	105 (11)	6,176

*() adalah merujuk kepada kes-kes import